

## PENGARUH MITOS DAN REALITI TERHADAP PEMBENTUKAN IDENTITI MASYARAKAT JAWA

(*The Influence of Myth and Reality on the Formation of Javanese Community Identity*)

Mariyah Jamilah Kamis\*, Hashim Ismail\*\* & Eizah Mat Hussain\*\*\*

### Abstract

*This study explores the relationship between myth and reality in the context of historical and sacred sites in Java, Indonesia, and how these belief narratives shape the cultural and social identity of local communities. As a center of traditional culture, Java has long been a meeting point of mythological elements and historical facts rooted in Hindu, Buddhist, Islamic, and colonial influences. Sites such as Mount Merapi, and Prambanan Temple, are not only recognized for their geographical or historical significance but are also mythologized with stories of sacredness, supernatural beings, and symbols of power. Using a qualitative approach through document analysis and literature review, this research aims to understand how myth is embedded in physical and social spaces, functioning as a tool for socialization, moral education, and the preservation of social structures. Findings reveal that myth and reality are not separate entities but rather support and reflect the cultural values of Javanese society. Myths surrounding sacred places help strengthen local identity, maintain social stability, and assign symbolic meaning to the physical environment. Furthermore, these mythic narratives are continuously recycled through performing arts, religious rituals, and popular media, making them a vital element in contemporary cultural discourse. This study contributes to a deeper understanding of the role of mythic narratives in the cultural and historical landscape of modern Java.*

**Keywords:** Java, myth, history, culture, identity, heritage

### Abstrak

Kajian ini meneliti hubungan antara mitos dan realiti dalam konteks tempat-tempat bersejarah dan keramat di Jawa, Indonesia, serta bagaimana naratif kepercayaan ini membentuk identiti budaya dan sosial masyarakat setempat. Jawa sebagai pusat kebudayaan tradisional telah lama menjadi medan pertembungan antara unsur mitologi dan fakta sejarah yang berakar daripada pengaruh Hindu, Buddha, Islam, serta kolonialisme. Tempat-tempat seperti Gunung Merapi, dan Candi Prambanan, bukan sahaja dikenali sebagai lokasi geografi atau warisan sejarah, malah turut dimitoskan dengan pelbagai kisah keramat, makhluk ghaib, dan simbol kekuasaan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis dokumentasi dan kajian kepustakaan, bertujuan memahami bagaimana mitos diserap ke dalam ruang fizikal dan sosial, serta berperanan sebagai alat sosialisasi, pendidikan moral, dan pengekalan struktur sosial.

---

\*Mariyah Jamilah Kamis. Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [mariyahjamilah@gmail.com](mailto:mariyahjamilah@gmail.com)

\*\* Hashim Ismail (PhD). Profesor di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [shim@um.edu.my](mailto:shim@um.edu.my)

\*\*\* Eizah Mat Hussain (PhD). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. [Eizah@um.edu.my](mailto:Eizah@um.edu.my)

Dapatkan menunjukkan bahawa mitos dan realiti bukan entiti yang terpisah, sebaliknya saling menyokong dan mencerminkan nilai budaya masyarakat Jawa. Mitos tentang tempat keramat membantu memperkuuh identiti lokal, mengekalkan kestabilan sosial, dan memberi makna simbolik kepada persekitaran fizikal. Malah, naratif mitos ini terus dikitar semula melalui seni persembahan, ritual keagamaan, dan media popular, menjadikannya satu elemen penting dalam wacana budaya semasa. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan naratif mitos dalam landskap budaya dan sejarah Jawa moden.

**Kata kunci:** Jawa, mitos, sejarah, budaya, identiti, warisan

## Pengenalan

Jawa, sebagai pulau yang kaya dengan sejarah dan kebudayaan, telah menjadi pusat pertembungan antara pelbagai pengaruh, termasuk Hindu, Buddha, Islam, dan kolonialisme Barat. Sejak zaman purba, masyarakat Jawa telah mencipta naratif mitos yang melibatkan tempat-tempat keramat yang dipercayai mengandungi kekuatan ghaib, serta menjadi lokasi bagi banyak peristiwa sejarah dan keagamaan yang penting.<sup>1</sup> Temuan mitos dan realiti dalam budaya Jawa bukanlah sesuatu yang terpisah, malah kedua-duanya sering kali saling bertaut dalam membentuk struktur sosial dan identiti budaya masyarakatnya. Tempat-tempat seperti Gunung Merapi, dan Candi Prambanan, adalah contoh tempat yang bukan sahaja dikenali sebagai lokasi bersejarah atau geografi, tetapi juga dihiasi dengan pelbagai kisah mitos yang memperkaya pemahaman masyarakat terhadap sejarah dan kepercayaan mereka. Gunung Merapi, misalnya, bukan sahaja dianggap sebagai gunung berapi yang aktif, tetapi juga dihormati sebagai tempat yang penuh dengan kekuatan ghaib. Begitu juga dengan Candi Prambanan, yang selain menjadi warisan budaya Hindu yang penting, juga dipercayai memiliki cerita-cerita mitos yang melibatkan dewa-dewa dan roh halus.<sup>2</sup>

Kepercayaan masyarakat Jawa terhadap mitos-mitos ini mencerminkan hubungan yang erat antara alam fizikal dan alam spiritual. Mitos sering kali digunakan untuk menerangkan fenomena alam yang tidak dapat dijelaskan dengan cara saintifik, serta untuk membina makna sosial dan budaya yang mendalam bagi masyarakat tersebut. Misalnya, mitos mengenai hubungan antara pemerintah dengan kuasa ghaib turut memberi legitimasi kepada kekuasaan mereka, yang pada masa yang sama memperkuuh struktur hierarki sosial.<sup>3</sup> Kajian ini bertujuan untuk menelusuri bagaimana mitos dan realiti di Jawa saling berinteraksi, serta bagaimana naratif ini bukan sahaja berfungsi sebagai warisan budaya, tetapi juga sebagai alat untuk memupuk nilai moral, pendidikan sosial, dan memperkuuh identiti lokal. Melalui kajian ini, kita dapat memahami dengan lebih mendalam peranan mitos dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang berlandaskan nilai-nilai tradisi yang terus hidup dan berkembang walaupun berdepan dengan perubahan zaman.

---

<sup>1</sup> Naufaldi Alif, Laily Mafthukhatul & Majidatun Ahmala. "Akulturasi Budaya Jawa Dan Islam Melalui Dakwah Sunan Kalijaga." *Al'Adalah* 23, no. 2 (2020), 143-162.

<sup>2</sup> Az-Zahra Nadhira Maulidina, Siti Fadjarajan & Cahya Darmawan. "Analisis Pariwisata Berkelanjutan Di Kawasan Candi Prambanan Dalam Aspek Lingkungan." *Jurnal Pariwisata Tawangmangu* 2, no. 3 (2024), 147-156.

<sup>3</sup> Nurbaiti Masni, Sovia Astari & Ryan Satria Antoni. "Mitos-Mitos Dalam Kepercayaan Masyarakat." *Pendas: Jurnal Ilmiah Pendidikan Dasar* 9, no. 1 (2024), 979-991.

## Sorotan Kajian

Kajian mengenai budaya Jawa di Indonesia telah banyak menekankan peranan mitos dan sejarah dalam membentuk identiti masyarakatnya. Clifford Geertz (1960), dalam karya penting *The Religion of Java*, menegaskan bahawa sistem kepercayaan tradisional seperti kejawen merupakan hasil pertembungan kompleks antara unsur animisme tempatan, ajaran Hindu-Buddha, serta pengaruh Islam yang datang kemudian.<sup>4</sup> Geertz berpendapat bahawa mitos dalam budaya Jawa bukan sahaja menjadi sandaran kepada pemeliharaan adat resam, malah berfungsi sebagai mekanisme untuk menyatukan norma sosial dan memperkuat struktur masyarakat. Mitos-mitos ini mengekalkan kesinambungan budaya dan membantu masyarakat memahami perubahan sosial secara simbolik.<sup>5</sup> Menurut Woodward (1989), dalam *Islam in Java*, elemen mitologi juga digunakan untuk merasionalisasikan peralihan kuasa politik dan perubahan dalam struktur sosial tradisional. Hal ini menjadikan mitos sebagai elemen penting dalam memahami budaya Jawa yang dinamik dan sentiasa berkembang.<sup>6</sup> Kedua-dua pandangan ini memperlihatkan bagaimana mitos bukan sekadar naratif warisan, tetapi juga instrumen budaya yang berfungsi dalam mengatur, mentafsir dan menyesuaikan masyarakat dengan peredaran zaman.

Kajian oleh Benedict Anderson (2020) dalam *Imagined Communities* menggariskan bahawa naratif sejarah dan mitologi memainkan peranan penting dalam mencipta rasa kebangsaan dan kesedaran kolektif.<sup>7</sup> Dalam konteks budaya Jawa, legenda seperti Majapahit yang dikenang sebagai kerajaan agung yang pernah menguasai wilayah Nusantara serta kepercayaan terhadap simbol-simbol alam seperti Gunung Merapi, mempunyai peranan besar dalam memperkuat identiti kolektif masyarakat Jawa. Meskipun dunia terus mengalami perubahan pesat, naratif-naratif ini kekal hidup dalam imaginasi dan kehidupan seharian masyarakat Jawa, sekali gus memberi mereka rasa kebersamaan dan kekitaan. Anderson menyatakan bahawa mitos dan sejarah berfungsi sebagai alat untuk memupuk solidariti dan kesedaran bersama, walaupun masyarakat sedang berhadapan dengan perubahan sosial dan politik yang besar.

Kajian Masni Nurbaiti, Sovia Astari dan Ryan Satria Antoni (2024) iaitu *Mitos dalam Budaya Indonesia* menegaskan bahawa mitos-mitos tradisional kekal relevan meskipun masyarakat kini sedang mengalami arus globalisasi dan perubahan teknologi yang pesat. Melalui konteks budaya Jawa di Indonesia, mitos bukan sekadar tinggalan tradisi lisan atau cerita rakyat, tetapi berfungsi sebagai wahana penting dalam membentuk serta mengekalkan identiti budaya dan struktur sosial masyarakat.<sup>8</sup> Mitos seperti legenda Ratu Kidul, kepercayaan terhadap Gunung Merapi, terus hidup dalam pelbagai medium moden seperti filem, drama televisyen, muzik dan seni visual. Adaptasi ini membuktikan bahawa mitos bersifat dinamik dan sentiasa berevolusi mengikut konteks zaman, tanpa kehilangan fungsi asalnya sebagai alat penyampaian nilai, norma sosial, dan solidariti komuniti. Malah, dalam masyarakat moden, mitos turut berperanan sebagai ruang wacana kritikal untuk menanggapi cabaran kontemporari seperti krisis identiti, pertembungan budaya, dan dominasi kuasa politik. Oleh itu, pemahaman terhadap peranan mitos dalam budaya Jawa tidak hanya penting untuk tujuan dokumentasi

<sup>4</sup> Clifford Geertz, *The religion of Java*, University of Chicago press, (1976).

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Mark Woodward, *Islam in Java: Normative Piety and Mysticism In The Sultanate of Yogyakarta*, University of Arizona Press, (1989).

<sup>7</sup> Benedict Anderson, "Imagined Communities: Reflections on the origin And Spread of Nationalism." In *the New Social Theory Reader*, pp. 282-288. Routledge, 2020.

<sup>8</sup> Masni, Sovia & Ryan Satria Antoni. "Mitos-Mitos Dalam Kepercayaan Masyarakat, 979-991.

warisan, tetapi juga sebagai pendekatan untuk menelusuri bagaimana masyarakat membentuk makna, menangani perubahan dan menyesuaikan nilai tradisi dalam dunia yang terus berubah.<sup>9</sup>

Oleh itu, sorotan kajian ini menunjukkan bahawa mitos dan realiti dalam budaya Jawa tidak wujud secara berasingan atau terpisah. Sebaliknya, kedua-dua elemen ini saling berkait dan membentuk satu jaringan dinamik yang kompleks, yang secara berterusan mempengaruhi identiti, struktur sosial, serta imaginasi budaya masyarakat Jawa hingga ke hari ini. Mitos berfungsi bukan sahaja sebagai alat untuk memahami dunia, tetapi juga sebagai mekanisme untuk menangani perubahan sosial dan cabaran sejarah. Realiti sejarah pula memberikan kerangka kepada perkembangan budaya serta nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat. Integrasi antara mitos dan realiti ini membolehkan budaya Jawa kekal anjal dan mampu beradaptasi dengan zaman moden tanpa kehilangan akar tradisinya. Kesinambungan ini amat penting untuk kelangsungan warisan budaya mereka.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dan analisis dokumentasi sebagai metodologi utama dalam meneliti elemen mitos dan realiti dalam masyarakat Jawa di Indonesia. Kaedah ini melibatkan pengumpulan data daripada pelbagai sumber bertulis seperti buku ilmiah, jurnal akademik, tesis, disertasi, artikel, dan dokumen lain yang relevan. Pemilihan sumber dilakukan secara teliti berdasarkan kesesuaian dan tahap kebolehpercayaan untuk memastikan data yang dikumpulkan adalah sahih dan berkualiti tinggi. Melalui pendekatan ini, kajian dapat menelusuri pandangan pelbagai sarjana terdahulu serta menganalisis pola dan perubahan dalam budaya Jawa dari semasa ke semasa. Analisis dokumentasi membolehkan peneliti memahami bagaimana elemen-elemen budaya seperti bahasa, adat, dan kepercayaan diwarisi dan diadaptasi dalam konteks kontemporari. Selain itu, pendekatan ini juga membantu dalam mengenal pasti hubungan antara mitos dan realiti dalam pembentukan identiti budaya masyarakat Jawa. Dengan demikian, metodologi ini memberikan kerangka kerja yang sistematis dan terstruktur dalam memahami dinamika budaya Jawa secara mendalam dan komprehensif.

## **Dapatan Kajian**

Kajian ini mendapati bahawa mitos dan realiti di Jawa saling berhubung dan memainkan peranan penting dalam membentuk budaya serta identiti sosial masyarakat setempat. Mitos yang berkait dengan tempat-tempat bersejarah dan keramat di Jawa, memperkaya warisan budaya masyarakat Jawa dan memberi makna mendalam kepada persekitaran mereka. Mitos ini tidak hanya berkisar tentang cerita dongeng atau legenda, tetapi turut berfungsi sebagai alat untuk menghubungkan masyarakat dengan nilai moral, sejarah, dan keyakinan sosial mereka. Kisah-kisah ini memperkuatkan nilai keberanian, pengorbanan, dan penghormatan terhadap kuasa ghaib, yang terus hidup dalam kehidupan masyarakat Jawa. Selain itu, mitos ini memberikan dimensi rohani kepada kehidupan seharian, di mana masyarakat mengaitkan kekuatan ghaib dengan struktur sosial dan politik mereka. Ia juga memberi kesan besar dalam adat dan ritual, seperti upacara keagamaan, yang terus dilaksanakan untuk memastikan kesinambungan tradisi dan keberkatan dalam kehidupan. Mitos dan realiti ini berfungsi untuk

---

<sup>9</sup> Ibid.

memperkuat identiti sosial, mendidik generasi baru, dan menjaga keharmonian dalam masyarakat Jawa, menjadikannya sebagai bahagian penting dalam budaya moden mereka.

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa mitos dan realiti di Jawa tidak terpisah, tetapi saling memperkaya dan menyatu. Mitos-mitos ini memperkuatkan identiti lokal dan memberi makna simbolik kepada tempat-tempat keramat, yang melibatkan pemahaman terhadap alam ghaib dan kuasa alam. Keseluruhannya, mitos dan realiti di Jawa berperanan penting dalam mengukuhkan struktur sosial dan memperkuatkan hubungan masyarakat dengan warisan budaya dan sejarah mereka. Mitos ini juga memberi peranan penting dalam pendidikan moral, kerana ia mengajarkan nilai keberanian, pengorbanan, dan kepatuhan terhadap norma sosial. Ia mengukuhkan hubungan antara generasi terdahulu dan masa kini, serta memberi kekuatan kepada masyarakat untuk berdepan dengan cabaran moden tanpa kehilangan akar tradisional mereka.

### Kisah Legenda Gunung Tangkuban Perahu

Gunung Tangkuban Perahu adalah salah satu tempat paling terkenal di Jawa Barat, Indonesia, dan sangat kaya dengan kisah mitos yang berakar dalam budaya masyarakat setempat. Gunung ini terletak sekitar 30 km di utara Bandung dan dikenal sebagai gunung berapi yang aktif. Ia juga terkenal dengan bentuknya yang unik, menyerupai perahu terbalik, yang menguatkan cerita mitologi yang berkembang di kalangan masyarakat sekitar. Mitos yang paling terkenal mengenai Gunung Tangkuban Perahu adalah legenda Sangkuriang.<sup>10</sup> Menurut cerita rakyat, Sangkuriang adalah seorang pemuda yang jatuh cinta dengan ibunya, Dayang Sumbi, tanpa mengetahui siapa dirinya. Dayang Sumbi, yang mengetahui identiti sebenar Sangkuriang, berusaha menghalang hubungan tersebut. Untuk menguji Sangkuriang, Dayang Sumbi meminta Sangkuriang untuk membuat sebuah danau besar dan sebuah perahu dalam satu malam sebagai syarat agar mereka dapat menikah. Sangkuriang hampir berhasil memenuhi permintaannya dengan bantuan makhluk halus, tetapi Dayang Sumbi, yang cemas akan berlakunya pernikahan yang tidak sah, mencipta satu ilusi dengan menutup fajar lebih awal, sehingga Sangkuriang gagal menyelesaikan tugasnya. Dalam kemarahan, Sangkuriang menendang perahu yang telah dibangunnya, dan perahu tersebut terbalik, membentuk Gunung Tangkuban Perahu yang kita kenali sekarang.<sup>11</sup>

Berdasarkan realiti geologi, Gunung Tangkuban Perahu adalah sebuah gunung berapi yang masih aktif, yang memiliki beberapa kawah besar seperti Kawah Ratu dan Kawah Domas. Kawah-kawah ini menjadi tarikan utama bagi pelancong yang berkunjung ke kawasan tersebut. Gunung ini terletak kira-kira 30 kilometer ke utara Bandung dan menjadi destinasi pelancongan utama bagi pengunjung yang ingin menikmati pemandangan indah serta keunikan geologinya.<sup>12</sup> Letusan terakhir Gunung Tangkuban Perahu berlaku pada tahun 2019, walaupun ia tidak menyebabkan bencana besar, namun menunjukkan bahawa gunung ini masih aktif. Mitos yang berkaitan dengan Gunung Tangkuban Perahu dan realiti geologinya saling berkait, dengan legenda memperkuatkan nilai budaya dan sejarah masyarakat Jawa yang menghubungkan mereka dengan alam dan kepercayaan spiritual. Mitos mengenai Sangkuriang dan Dayang Sumbi membawa pesan moral tentang kesetiaan, kasih sayang, dan perbuatan yang

<sup>10</sup> Mukodas, Miranti, and Nurjaman, "Alasan-Alasan Pengusiran pada Legenda Sangkuriang dalam Perspektif Sastra Bandingan." *Journal of Literature and Education* 2, no. 1 (2024), 59-68.

<sup>11</sup> Ibid.

<sup>12</sup> Lutfia Fatihah Rahmi & Riky Taufik Afif. "Perancangan Animasi 2D Riksa and the History of Tangkuban Perahu." *Rekam: Jurnal Fotografi, Televisi, Animasi* 21, no. 1 (2025), 49-61.

tidak wajar, sementara gunung itu sendiri memberi simbolisme tentang kuasa alam semula jadi yang mampu mempengaruhi kehidupan manusia. Dalam konteks moden, legenda ini terus hidup dalam masyarakat dan sering dipaparkan dalam seni persembahan tradisional, seperti wayang kulit, serta dalam upacara adat, menjadikannya bukan hanya sebahagian daripada warisan budaya tetapi juga sebagai elemen yang memperkuuh identiti masyarakat Jawa.<sup>13</sup>

### Kisah Gunung Merapi

Gunung Merapi, yang terletak di Pulau Jawa, Indonesia, adalah salah satu gunung berapi paling aktif di dunia, terkenal dengan letusan-letusannya yang dahsyat. Selain dikenali dalam konteks geologi dan sains, Merapi juga kaya dengan mitos dan kisah yang mempengaruhi budaya dan kehidupan masyarakat setempat. Mitos yang berkembang tentang gunung ini berperanan besar dalam membentuk cara pandang masyarakat terhadap alam semesta, kekuasaan ghaib, dan kehidupan sosial mereka.<sup>14</sup> Salah satu mitos utama yang melibatkan Gunung Merapi adalah kepercayaan terhadap Nyai Roro Kidul, dewi laut selatan. Masyarakat sekitar Merapi percaya bahawa gunung ini memiliki hubungan mistik dengan Nyai Roro Kidul. Dikatakan bahawa gunung tersebut adalah tempat kediaman makhluk ghaib, yang berkuasa ke atas persekitaran semula jadi dan kehidupan mereka. Melalui beberapa versi cerita, dipercayai bahawa Nyai Roro Kidul mempunyai pengaruh langsung terhadap letusan Gunung Merapi, yang dianggap sebagai simbol kekuatan alam semesta dan sebagai bentuk penghormatan atau peringatan daripada dunia ghaib. Letusan Merapi dalam konteks ini dianggap sebagai peringatan dari kekuatan alam untuk menjaga keseimbangan dunia.<sup>15</sup>

Selain itu, terdapat pula mitos mengenai dewa gunung yang dipercayai menjaga Merapi. Masyarakat Jawa yang tinggal berhampiran gunung ini sering mengadakan upacara ritual untuk meminta restu atau memohon perlindungan daripada dewa gunung tersebut. Ritual-ritual ini dilakukan dengan niat untuk mengelakkan bencana dan menjaga kedamaian, serta menghormati kekuatan alam yang dipercayai bersemayam di gunung tersebut.<sup>16</sup> Berdasarkan realiti, Gunung Merapi adalah salah satu gunung berapi paling aktif dan berbahaya di dunia. Aktiviti gunung ini telah mencatatkan lebih dari 68 kali letusan sejak tahun 1006. Letusan besar yang terjadi pada tahun 2010, yang mengakibatkan lebih daripada 350 kematian, adalah salah satu letusan yang paling dahsyat dalam sejarah moden Merapi. Letusan ini memusnahkan kawasan pertanian, rumah, dan infrastruktur, serta memaksa lebih daripada 350,000 penduduk dipindahkan.<sup>17</sup> Gunung Merapi memiliki ketinggian 2,930 meter dan terletak di sempadan antara dua provinsi besar di Indonesia, iaitu Yogyakarta dan Jawa Tengah. Aktiviti gunung ini sentiasa dipantau oleh Pusat Pemantauan Gunung Merapi yang menyediakan maklumat penting bagi pihak berkuasa dan penduduk setempat untuk berjaga-jaga terhadap kemungkinan letusan. Merapi juga terkenal dengan fenomena aliran lahar yang berbahaya dan sering mengalir ke kawasan-kawasan penempatan berhampiran.<sup>18</sup>

---

<sup>13</sup> Mukodas, Miranti & Nurjaman. "Alasan-Alasan Pengusiran", 59-68.

<sup>14</sup> Septian Aji Permana et al., "Community rituals in facing volcanic eruption threat in Java." *Komunitas* 9, no. 1 (2017), 29-36.

<sup>15</sup> Ibid.

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Supriati Dwi Andreastuti, Chris Newhall, & Joko Dwiyanto, "Menelusuri Kebenaran Letusan Gunung Merapi 1006." *Indonesian Journal on Geoscience* 1, no. 4 (2006), 201-207.

<sup>18</sup> Ibid.

Walaupun Gunung Merapi adalah sebuah gunung berapi yang menakutkan dengan letusan berulang, ia tetap memainkan peranan penting dalam budaya masyarakat Jawa. Masyarakat tempatan menganggap gunung ini sebagai simbol kedamaian dan keharmonian alam. Selain faktor geologi, mereka juga mengaitkan Merapi dengan unsur spiritual dan mitologi yang memperkaya pengalaman budaya mereka. Ritual yang dilakukan oleh masyarakat bukan hanya sekadar untuk tujuan keselamatan, tetapi juga sebagai bentuk penghormatan kepada kekuatan ghaib yang dikaitkan dengan gunung ini. Dengan adanya pemahaman ini, mitos dan realiti Gunung Merapi berfungsi untuk memperkuatkan hubungan masyarakat dengan alam semesta serta memperkaya nilai moral dan kepercayaan budaya mereka. Masyarakat Jawa telah belajar untuk hidup berdampingan dengan risiko yang ditimbulkan oleh gunung ini, dan ini mencerminkan bagaimana mereka menggabungkan kepercayaan spiritual dan kesedaran geologi dalam kehidupan sehari-hari mereka.<sup>19</sup>

Gunung Merapi tidak hanya sekadar simbol geologi dan risiko alam semulajadi, tetapi juga menjadi tempat yang penuh dengan mitos dan kisah yang memperkuatkan nilai budaya dan kepercayaan masyarakat Jawa. Mitos mengenai kekuatan ghaib yang menguasai gunung ini turut mengajarkan masyarakat untuk hidup dengan penuh kehormatan terhadap alam dan kekuatan semula jadi, walaupun pada masa yang sama mereka juga perlu menghadapinya dengan penuh kewaspadaan dan persiapan. Mitos dan realiti Gunung Merapi terus berinteraksi, memainkan peranan yang penting dalam membentuk identiti budaya, sosial, dan spiritual masyarakat sekitarnya.<sup>20</sup>

### Kisah Kawah Ijen

Kawah Ijen, yang terletak di Jawa Timur, Indonesia, bukan sahaja terkenal dengan fenomena alam semulajadinya yang luar biasa, tetapi juga dengan mitos dan kisah yang melingkari tempat tersebut. Kawah ini adalah salah satu destinasi geologi yang sangat aktif, di mana terdapat tasik belerang yang berwarna biru kehijauan dan fenomena api biru yang memukau. Bagi aspek realiti, Kawah Ijen adalah lokasi yang sangat berbahaya kerana kehadiran gas beracun dan suhu yang sangat tinggi. Kawah ini juga menjadi sumber utama belerang yang diekstrak oleh penambang secara tradisional. Mereka menghadapi risiko kesihatan yang besar kerana terdedah kepada gas beracun setiap hari, namun ini merupakan mata pencarian utama mereka. Mitos yang berkembang di kalangan masyarakat setempat mengaitkan Kawah Ijen dengan dunia mistik, sering dianggap sebagai tempat tinggal roh-roh jahat atau penjaga alam yang berkuasa. Fenomena api biru juga dianggap sebagai manifestasi kekuatan alam yang harus dihormati.<sup>21</sup>

Selain itu, beberapa versi mitos mengaitkan Kawah Ijen dengan kisah-kisah legenda yang lebih mendalam, di mana kawah ini dianggap sebagai pintu gerbang menuju alam ghaib. Dalam mitos ini, api biru yang membara di kawah bukan sahaja dilihat sebagai manifestasi kekuatan dewa api, tetapi juga simbol transformasi spiritual dan penebusan diri. Mereka yang mampu menahan bahaya dan kesukaran di kawasan tersebut dianggap sebagai individu yang lebih dekat dengan dunia roh, yang mana mereka dipercayai mendapat petunjuk atau kelebihan dalam kehidupan mereka. Sesetengah masyarakat juga mempercayai bahawa kawah ini mengandung kekuatan untuk menyembuhkan penyakit dan memberikan keberuntungan kepada

<sup>19</sup> Septian Aji Permana, "Community Rituals" 29-36.

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Fitriawati & D. S. A. Suroso. "Penerapan Prinsip Ekowisata dalam Penyelenggaraan Pariwisata Alam di Taman Wisata Alam (TWA) Kawah Ijen." *Jurnal Green Growth Dan Manajemen Lingkungan* 12, no. 1 (2023), 1-21.

mereka yang melakukan ritual tertentu di kawasan tersebut. Mitos ini semakin kuat ketika kita melihat bagaimana fenomena alam yang jarang ditemui, seperti api biru, mencipta aura mistik dan menarik perhatian pelancong serta penduduk setempat.<sup>22</sup> Pemandangan tersebut dilihat sebagai sesuatu yang luar biasa, seakan menunjukkan kehadiran kuasa alam yang lebih tinggi dan tidak terjangkau oleh akal manusia biasa. Dewa Api, menurut kepercayaan ini, menjadi penjaga yang melindungi kawah tersebut dari kerosakan, dan mereka yang ingin mendalami rahsia alam semesta di sekitar Kawah Ijen harus melalui ujian kekuatan jiwa dan ketahanan tubuh. Dalam banyak hal, masyarakat setempat melihat kawah ini bukan sekadar tempat berbahaya secara fizikal, tetapi juga sebagai tempat yang penuh dengan makna simbolik yang menghubungkan dunia manusia dengan alam mistik yang lebih besar.<sup>23</sup>

Kawah Ijen juga dianggap sebagai tempat yang penuh dengan pengajaran kehidupan, di mana mitosnya memberi gambaran bahawa kekuatan alam dan roh-roh yang menjaga kawah ini mengajarkan manusia tentang ketabahan dan pengorbanan.<sup>24</sup> Bagi masyarakat setempat, kawah ini bukan hanya sebuah fenomena alam, tetapi juga tempat yang memberikan inspirasi spiritual dan kekuatan batin. Kehidupan penambang yang berisiko tinggi juga menjadi simbol ketahanan manusia dalam menghadapi cabaran kehidupan, di mana mereka terus berusaha walaupun dalam keadaan yang sangat berbahaya. Mitos dan realiti Kawah Ijen saling melengkapi dalam membentuk pandangan hidup masyarakat setempat terhadap alam, kehidupan, dan dunia yang lebih luas.

### Kisah Pantai Parangtritis

Pantai Parangtritis, yang terletak di Yogyakarta, Indonesia, bukan hanya terkenal kerana keindahan alam semulajadinya, tetapi juga kerana mitos dan cerita-cerita misterius yang mengelilinginya. Sebagai salah satu destinasi pelancongan yang paling popular di Jawa, Pantai Parangtritis mempunyai hubungan yang kuat dengan budaya dan kepercayaan masyarakat setempat. Dalam banyak hal, pantai ini dipandang sebagai tempat yang penuh dengan kekuatan ghaib dan dianggap sebagai lokasi yang dihuni oleh roh-roh halus, yang menjadikannya tempat yang penuh dengan aura mistik. Mitos-mitos yang mengelilingi pantai ini berkait rapat dengan unsur spiritual dan kepercayaan masyarakat Jawa yang dalam, terutamanya dalam hal hubungan manusia dengan alam dan kekuatan alam semesta. Salah satu mitos paling terkenal yang melibatkan Pantai Parangtritis adalah kisah tentang Nyi Roro Kidul, Dewi Laut Selatan. Menurut kepercayaan tempatan, Nyi Roro Kidul adalah dewi yang menguasai samudera selatan dan pantai ini dianggap sebagai gerbang menuju kerajaan laut (Nuraini, 2018).<sup>25</sup> Mitos ini sangat kuat dalam budaya Jawa, dengan banyak orang percaya bahawa apabila seseorang melawat pantai ini, mereka harus mematuhi pantang larang tertentu untuk menghindari kemarahan dewi tersebut. Mitosnya mengisahkan bahawa siapa yang terjatuh ke dalam laut di kawasan ini, terutamanya pada waktu tertentu, akan diambil oleh Nyi Roro Kidul untuk menjadi pengikutnya di alam gaib. Kisah ini menjadikan Pantai Parangtritis bukan hanya sebagai tempat pelancongan, tetapi juga sebuah lokasi yang dihormati dan dikaitkan dengan kekuatan supernatural.<sup>26</sup>

---

<sup>22</sup> Ibid.

<sup>23</sup> Ibid.

<sup>24</sup> Ibid.

<sup>25</sup> Irvan Setiawan, "Mitos Nyi Roro Kidul dalam Kehidupan Masyarakat Cianjur Selatan." *Patanjala: Journal of Historical and Cultural Research* 1, no. 2 (2009), 188-200.

<sup>26</sup> Ibid.

Dalam realitinya, Pantai Parangtritis adalah sebuah pantai yang menawan dengan pasir hitamnya yang luas dan ombak yang kuat. Kawasan ini juga merupakan destinasi pelancongan yang popular, di mana pelancong datang untuk menikmati pemandangan matahari terbenam yang indah dan menikmati suasana tenang yang dihasilkan oleh alam semulajadi. Selain itu, kawasan sekitar pantai ini juga mempunyai keunikan geologi, dengan formasi batuan yang menarik dan bukit pasir yang luas. Pantai ini turut dikenali sebagai destinasi sukan air, terutamanya untuk aktiviti seperti paragliding dan berenang, walaupun para pelancong dinasihatkan untuk berhati-hati dengan arus laut yang kuat.<sup>27</sup> Mitos dan realiti yang berhubung dengan Pantai Parangtritis saling melengkapi dan memainkan peranan penting dalam membentuk identiti tempat ini. Mitos Nyi Roro Kidul memberikan dimensi spiritual yang mendalam kepada tempat tersebut, menjadikannya lebih daripada sekadar destinasi pelancongan. Sebaliknya, realitinya, pantai ini terus berkembang sebagai kawasan yang menarik untuk pengunjung, dengan infrastruktur pelancongan yang semakin berkembang, termasuk tempat-tempat beribadah dan pusat kebudayaan yang menggambarkan warisan sejarah kawasan tersebut. Penggabungan antara mitos dan realiti menjadikan Pantai Parangtritis sebagai tempat yang sangat penting dalam konteks sosial dan budaya masyarakat Jawa.<sup>28</sup>

Kisah-kisah mitologi ini juga tercermin dalam pelbagai upacara tradisional yang diadakan di pantai ini, seperti ritual "Labuhan," yang melibatkan persesembahan kepada Nyi Roro Kidul sebagai tanda penghormatan dan permintaan untuk keselamatan dan kesejahteraan. Upacara ini menggabungkan elemen-elemen spiritual dan budaya, serta melibatkan masyarakat setempat yang menghargai warisan mereka. Secara keseluruhan, Pantai Parangtritis adalah tempat iaitu mitos dan realiti bertemu, mencipta satu ruang yang kaya dengan simbolisme, tradisi, dan pengalaman yang tidak dapat dipisahkan daripada identiti budaya Jawa.

## Kisah Candi Prambanan

Candi Prambanan, yang terletak di Yogyakarta, Indonesia, adalah salah satu warisan budaya terbesar dan paling terkenal di Asia Tenggara. Dikenali sebagai kompleks candi Hindu terbesar di Indonesia, Candi Prambanan mempunyai hubungan erat dengan mitos dan realiti sejarah yang menyelubunginya. Candi ini bukan hanya menjadi simbol kebesaran kerajaan Mataram Hindu, tetapi juga mengandungi pelbagai kisah mitologi yang membentuk kepercayaan dan tradisi masyarakat setempat.<sup>29</sup>

Mitos yang paling terkenal yang berkait dengan Candi Prambanan adalah legenda Roro Jonggrang, seorang puteri cantik dari kerajaan Prambanan. Kisah ini mengisahkan tentang seorang raksasa bernama Bandung Bondowoso, yang jatuh cinta pada Roro Jonggrang dan berjanji untuk membina seribu candi dalam satu malam sebagai mas kawin untuknya. Roro Jonggrang, yang tidak ingin menikahi Bandung Bondowoso, meminta bantuan roh-roh halus untuk mengganggu dan memperlambatkan projek tersebut. Dalam cerita ini, Roro Jonggrang akhirnya mengkhianati Bandung Bondowoso dengan cara menyuruh para pembantu di istana untuk membuat bunyi-bunyian yang meniru kedengaran seperti ayam berkокok, yang

<sup>27</sup> Subeni, Fajar, and Achmad Andi Rif'an. "Strategi Pengelolaan Pantai Parangtritis sebagai Daya Tarik Wisata Alam Di Kabupaten Bantul Pada Era New Normal." *Pringgitan* 3, no. 1 (2022): 1-13.

<sup>28</sup> Irvan Setiawan, "Mitos Nyi Roro Kidul", 188-200.

<sup>29</sup> Az-Zahra, Fadjarajani & Cahya , "Analisis Pariwisata Berkelanjutan, 147-156.

menandakan subuh telah tiba.<sup>30</sup> Bandung Bondowoso, yang percaya bahawa subuh sudah menjelang, akhirnya gagal menyiapkan candi-candi tersebut tepat pada masanya. Sebagai balas dendam, Bandung Bondowoso mengutuk Roro Jonggrang untuk menjadi patung batu, dan di sinilah candi utama Prambanan dibina sebagai penghormatan kepada Roro Jonggrang, yang kini dianggap sebagai patung batu yang menjadi bahagian dari kompleks candi itu.<sup>31</sup>

Mitos ini memberikan dimensi yang mendalam kepada Candi Prambanan, menjadikannya lebih daripada sekadar situs sejarah. Ia juga menjadi simbol pengorbanan, keindahan, dan kebesaran, serta mencerminkan nilai-nilai tentang cinta, pengkhianatan, dan hukuman. Mitos ini turut menunjukkan hubungan antara dunia manusia dan alam ghaib, dengan membangkitkan elemen mistik dalam budaya Hindu dan Jawa yang kaya dengan kepercayaan terhadap dewa-dewi serta kuasa gaib. Dalam realitinya, Candi Prambanan adalah salah satu candi Hindu terbesar di dunia dan sebuah contoh seni bina yang menakjubkan.<sup>32</sup> Dibina pada abad ke-9 semasa pemerintahan Dinasti Sanjaya, candi ini terdiri daripada tiga candi utama yang didedikasikan kepada Trimurti – Brahma, Wisnu, dan Siwa, serta lebih daripada 200 candi kecil yang menyebar di sekitarnya. Candi-candi ini dibina dengan begitu terperinci, menggambarkan kehebatan seni bina dan kebudayaan Hindu kuno. Walaupun telah mengalami kerosakan teruk akibat gempa bumi pada abad ke-16, Candi Prambanan tetap menjadi pusat kebudayaan dan agama yang penting di Indonesia.<sup>33</sup>

Seiring dengan realitinya sebagai tapak warisan dunia UNESCO, Candi Prambanan turut menjadi tumpuan pelancong dari seluruh dunia. Aktiviti pelancongan dan penyelidikan arkeologi di kompleks ini tidak hanya memberi pengetahuan tentang sejarahnya, tetapi juga tentang kebudayaan dan kepercayaan Hindu yang pernah berkembang di wilayah tersebut. Keindahan struktur candi, dengan ukiran-ukiran halus yang menceritakan kisah-kisah epik seperti Ramayana dan Mahabharata, terus memukau pengunjung dan memberikan wawasan yang lebih mendalam tentang peradaban Hindu pada masa itu. Secara keseluruhan, Candi Prambanan adalah contoh yang menarik tentang bagaimana mitos dan realiti dapat saling berkait dan memberi makna kepada satu tempat. Kisah Roro Jonggrang, dengan elemen-elemen mistiknya, memperkaya pengalaman pengunjung dan memberikan dimensi yang lebih dalam kepada pemahaman tentang sejarah dan kebudayaan Hindu di Indonesia. Di satu pihak, ia adalah simbol kebesaran kerajaan Mataram Hindu; di pihak lain, ia adalah tempat di mana kepercayaan spiritual dan mitologi berperanan sebagai elemen yang penting dalam menjaga kelestarian budaya dan warisan sejarah bangsa.<sup>34</sup>

## Kesimpulan

Keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa mitos dan realiti memainkan peranan yang sangat signifikan dalam pembentukan identiti budaya masyarakat Jawa di Indonesia. Meskipun peredaran zaman membawa arus pemodenan dan perubahan sosial, elemen-elemen mitos terus hidup dan berkembang, khususnya melalui tempat-tempat yang dianggap keramat atau bersejarah seperti Gunung Merapi, Kawah Ijen, Candi Prambanan, dan Pantai Parangtritis.

<sup>30</sup> Benny Harminto, "Sendratari Ramayana Prambanan Yayasan Roro Jonggrang Empat Episode Di Panggung Terbuka (open air)." *Joged* 21, no. 1 (2023), 71-82.

<sup>31</sup> Ibid.

<sup>32</sup> Gerasela, LR Retno Susanti & Hudaiddah Hudaiddah. "Candi Prambanan Peninggalan Kerajaan Mataram Kuno." *Historis: Jurnal Kajian, Penelitian dan Pengembangan Pendidikan Sejarah* 9, no. 2 (2024), 7-11.

<sup>33</sup> Ibid.

<sup>34</sup> Widhi Astuti, "Candi Prambanan Masa Kini." *Widya Aksara: Jurnal Agama Hindu* 26, no. 2 (2021), 226-238.

Tempat-tempat ini bukan sekadar tapak geografi atau sejarah, tetapi turut menjadi medan pertemuan antara dimensi nyata dan ghaib, antara kepercayaan spiritual dan fakta sains.

Kisah-kisah mitologi seperti legenda Sangkuriang di Gunung Tangkuban Perahu, Roro Jonggrang di Candi Prambanan, dan mitos Nyi Rara Kidul di Pantai Parangtritis memberi gambaran tentang bagaimana masyarakat Jawa memahami alam, kuasa, dan hubungan antara manusia dengan dunia luar. Dalam banyak hal, mitos ini berfungsi sebagai alat pendidikan moral, memperkuat struktur sosial, serta mewujudkan kesinambungan budaya yang diwarisi dari generasi ke generasi. Realiti fizikal tempat-tempat ini seperti gunung berapi aktif dan tasik belerang turut menambah keunikan dan kekuatan simbolik kepada naratif mitos yang dibina di sekelilingnya. Kajian ini juga mendapati bahawa masyarakat Jawa mempunyai keupayaan luar biasa dalam menyatukan unsur-unsur mitos dan realiti ke dalam kehidupan harian mereka. Sama ada melalui ritual, seni persembahan, atau pelancongan budaya, naratif mitos terus dihidupkan dan dikekalkan sebagai satu cara untuk mempertahankan jati diri dan warisan nenek moyang. Dengan itu, mitos bukanlah satu bentuk kepercayaan yang lapuk, tetapi merupakan sebahagian daripada mekanisme budaya yang dinamik, yang memungkinkan masyarakat memahami dunia dan peranan mereka di dalamnya secara lebih bermakna.

Kesimpulannya, hubungan antara mitos dan realiti di tempat-tempat bersejarah dan keramat di Jawa, Indonesia, menggambarkan bagaimana kedua-dua elemen ini saling berkait dan membentuk identiti budaya masyarakat setempat. Mitos yang berkembang di sekeliling tempat-tempat ini bukan hanya berfungsi sebagai cerita rakyat atau hiburan, tetapi lebih penting lagi, ia menjadi satu bentuk pemahaman yang mendalam tentang alam, kekuatan ghaib, serta nilai-nilai sosial yang diterima dalam masyarakat. Tempat seperti Gunung Merapi, Gunung Tangkuban Perahu, Kawah Ijen, dan Pantai Parangtritis, misalnya, tidak hanya dikenali atas nilai geologi atau sejarah, tetapi juga dihiasi dengan kisah-kisah mistik dan spiritual yang memperkaya pengalaman masyarakat dalam berinteraksi dengan alam semesta.

## BIBLIOGRAFI

- Az-Zahra Nadhira Maulidina, Siti Fadjarajan & Cahya Darmawan. "Analisis Pariwisata Berkelanjutan Di Kawasan Candi Prambanan Dalam Aspek Lingkungan." *Jurnal Pariwisata Tawangmangu* 2, no. 3 (2024), 147-156.
- Benedict Anderson, "Imagined Communities: Reflections on the origin And Spread of Nationalism." In the *New Social Theory Reader*, pp. 282-288. Routledge, 2020
- Benny Harminto, "Sendratari Ramayana Prambanan Yayasan Roro Jonggrang Empat Episode Di Panggung Terbuka (open air)." *Joged* 21, no. 1 (2023), 71-82.
- Clifford Geertz, *The religion of Java*, University of Chicago press, (1976).
- Fitriawati & D. S. A. Suroso. "Penerapan Prinsip Ekowisata dalam Penyelenggaraan Pariwisata Alam di Taman Wisata Alam (TWA) Kawah Ijen." *Jurnal Green Growth Dan Manajemen Lingkungan* 12, no. 1 (2023), 1-21.

Gerasela, LR Retno Susanti & Hudaidah Hudaidah. "Candi Prambanan Peninggalan Kerajaan Mataram Kuno." *Historis: Jurnal Kajian, Penelitian dan Pengembangan Pendidikan Sejarah* 9, no. 2 (2024), 7-11.

Irvan Setiawan, "Mitos Nyi Roro Kidul dalam Kehidupan Masyarakat Cianjur Selatan." *Patanjala: Journal of Historical and Cultural Research* 1, no. 2 (2009), 188-200.

Lutfia Fatihah Rahmi & Riky Taufik Afif. "Perancangan Animasi 2D Riksa and the History of Tangkuban Perahu." *Rekam: Jurnal Fotografi, Televisi, Animasi* 21, no. 1 (2025), 49-61.

Mark Woodward, *Islam in Java: Normative Piety and Mysticism In The Sultanate of Yogyakarta*, University of Arizona Press, (1989).

Mukodas, Miranti, and Nurjaman, "Alasan-Alasan Pengusiran pada Legenda Sangkuriang dalam Perspektif Sastra Bandingan." *Journal of Literature and Education* 2, no. 1 (2024), 59-68.

Naufaldi Alif, Laily Mafthukhatul & Majidatun Ahmala. "Akulturasi Budaya Jawa Dan Islam Melalui Dakwah Sunan Kalijaga." *Al'Adalah* 23, no. 2 (2020), 143-162.

Nurbaiti Masni, Sovia Astari & Ryan Satria Antoni. "Mitos-Mitos Dalam Kepercayaan Masyarakat." *Pendas: Jurnal Ilmiah Pendidikan Dasar* 9, no. 1 (2024), 979-991.

Septian Aji Permana et al., "Community rituals in facing volcanic eruption threat in Java." *Komunitas* 9, no. 1 (2017), 29-36.

Subeni, Fajar, and Achmad Andi Rif'an. "Strategi Pengelolaan Pantai Parangtritis sebagai Daya Tarik Wisata Alam Di Kabupaten Bantul Pada Era New Normal." *Pringgitan* 3, no. 1 (2022): 1-13.

Supriati Dwi Andreastuti, Chris Newhall, & Joko Dwiyanto, "Menelusuri Kebenaran Letusan Gunung Merapi 1006." *Indonesian Journal on Geoscience* 1, no. 4 (2006), 201-207.

Widhi Astuti, "Candi Prambanan Masa Kini." *Widya Aksara: Jurnal Agama Hindu* 26, no. 2 (2021), 226-238.